

SULIT

3766/2

Perniagaan

Kertas 2

2024

2 jam 15 minit



UJIAN DIAGNOSTIK

PERNIAGAAN

KERTAS 2

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A** ,**Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **lima** soalan di **Bahagian A** ,**dua** soalan di **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C**..*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja.

1.

- a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Nurin.

Puan Nurin ingin mengajak rakan baiknya untuk membuka sebuah perniagaan Butik Pakaian kerana rakannya mempunyai kepakaran dalam bidang menjahit pakaian. Di samping itu rakannya juga dapat membantu menyumbangkan modal untuk perniagaan tersebut.

- i) Apakah bentuk milikan perniagaan yang sesuai? [1 markah]
ii) Nyatakan tiga kelebihan milikan perniagaan di (a) (i) [3 markah]

- b) Gambar berikut menunjukkan salah satu sektor dalam perniagaan.



- i) Nyatakan dan jelaskan sektor perniagaan tersebut [3 markah]
ii) Jelaskan kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan [3 markah]

2.

- a) Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif Fahmy Anyaman

Fahmy Anyaman

- Produk anyaman berasaskan tumbuh-tumbuhan.
- Menjual 1,000 unit produk anyaman dalam tempoh sebulan bagi pasaran tempatan
- Mensasarkan peningkatan 10% sebulan bagi pasaran tempatan dan 15% bagi pasaran antarabangsa

Terangkan ciri-ciri objektif Fahmy Anyaman

[6 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Rohani Songket Sdn. Bhd.

Syarikat Rohani Songket Sdn. Bhd. menjual produk berasaskan songket. Mereka ingin memastikan hasil syarikat meningkat dari semasa ke semasa agar matlamat perniagaan dapat dicapai. Syarikat Rohani Songket Sdn. Bhd. sentiasa merancang tindakan yang boleh diambil bagi meningkatkan hasil jualan mereka.

Terangkan tindakan yang boleh diambil bagi Syarikat Rohani Songket Sdn. Bhd. dapat mencapai hasrat tersebut .

[4 markah]

3.

a) Senaraikan tiga tujuan bahagian fungsian pengeluaran?

[3 markah]

Rajah di bawah menunjukkan suatu aktiviti yang dijalankan dalam bahagian fungsian pengagihan



b) Nyatakan empat peranan bahagian fungsian tersebut?

[4 markah]

Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

Melibatkan penyelidikan dan pembangunan tentang produk baharu.
Membuat penambahbaikan terhadap produk yang sedia ada.
Wujud dalam kebanyakan industri dan rekaan produk.

c) Jelaskan tujuan bahagian fungsian ini diwujudkan.

[3 markah]

4. Pernyataan berikut berkaitan Kraf Holdings Sdn. Bhd. Yang beroperasi di Kuala Lumpur.

Kraf Holdings Sdn. Bhd telah memberi bonus tunai kepada pekerja kerana prestasi perniagaan yang memberangsangkan bagi tahun Kewangan 2021 selain gaji asas dan elaun.

- a) Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaskan peranan pengurusan sumber manusia. [2 markah]
- b) Jelaskan dua faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan oleh Kraf Holdings Sdn. Bhd. [4 markah]
- c) Jelaskan kemahiran kebolehterajaan yang sesuai diambil kira oleh Pengurus Sumber Manusia untuk bakal pekerja di syarikat beliau. [4 markah]

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan Penyata Kewangan Kun-Yiet Enterprise

	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA		
Kenderaan		50 000
Perabot		15 000
Alatan pejabat		<u>10 000</u>
		75 000
ASET SEMASA		
Inventori	20 000	
Akaun belum terima	10 000	
Bank	25 000	
Tunai	<u>8 000</u>	
	63 000	

- a) i) Namakan penyata kewangan di atas. [1 markah]
- iii) Mengapakah dokumen di (a) (i) penting kepada Kun-Yiet Enterprise? [4 markah]
- b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan. [5 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan pemasaran.

Pemasaran ialah strategi , proses atau kaedah yang berkesan untuk menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna

a) Apakah tujuan pemasaran? [2 markah]

b) Maklumat di bawah berkaitan dengan urus niaga Perniagaan Biskut Lazat Sdn. Bhd.

Tarikh Urus niaga	Butiran Urus Niaga
12 November	Belian secara kredit sebanyak RM600
26 Disember	Pelanggan menjelaskan hutang sebanyak RM3000

i) Jelaskan dokumen perniagaan bagi setiap urusniaga di atas. [4 markah]

ii) Jelaskan strategi produk yang boleh dilaksanakan oleh Perniagaan Biskut Lazat Sdn. Bhd untuk meningkatkan jualan. [4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

7.

a) Terangkan bagaimana kerajaan memainkan peranan mengawal inflasi. [6 markah]

b) Berikut adalah dialog di antara dua orang pengurus perniagaan

Encik Jason seorang pengurus kewangan telah menyerahkan memo kepada pegawai kanan kewangan (Encik Kumar). Beliau mengarahkan Encik Kumar untuk menyerahkan laporan kewangan syarikat 2020 dalam jangka masa dua jam untuk dibawa dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan syarikat

Encik Iman seorang pengurus pengeluaran yang mementingkan sumbangan idea daripada pekerjanya. Walaubagaimanapun, Encik Iman akan membuat keputusan akhir

Bezakan gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Jason dan Encik Iman. [4 markah]

c) Setujukah anda bahawa faktor dalaman amat penting dalam perubahan kepada persekitaran perniagaan. Beri alasan kepada pendapat anda.

[5 markah]

8. Dialog berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan yang diperlukan bagi sebuah perniagaan.

Insyirah : Jualan perabot kilang saya semakin merosot. Risau betul dibuatnya. Saya rasa, perabot yang dihasilkan di kilang saya perlu diperbaiki mengikut trend hari ini.

Akid : Betul. Kalau awak tidak membuat perubahan pada perabot awak, saya khawatir perniagaan awak akan mengalami kerugian yang besar.

Insyirah : Boleh nak buat perubahan tu tapi saya kekurangan wang. Nak buat semua tu perlukan wang yang besar. Mana nak cari. Simpanan sendiri pun tak mampu nak tampung kos.

Akid : Tu awak tak perlu risau. Awak buat rancangan perniagaan dan kemukakan pada agensi atau institusi kewangan yang sesuai.

- Huraikan sumber pembiayaan yang boleh digunakan Insyirah? [2 markah]
- Cadangkan agensi kerajaan yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi Insyirah? [4 markah]
- Jelaskan kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan yang dipilih? [6 markah]
- Insyirah perlu mendapatkan khidmat nasihat kewangan setelah menyediakan rancangan perniagaan. Mengapa? [3 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat LED Sdn Bhd dan Neon Sdn Bhd yang menjual barangan elektrik.

Nisbah	LED Sdn Bhd	Neon Sdn Bhd
Peratus Untung Tokokan	30%	25%
Peratus Margin Untung Bersih	20%	15%
Nisbah Semasa	4:1	5:1
Pusing Ganti Aset	5 kali	4 kali
Pusing Ganti Stok	4 kali	3 kali

- Prestasi Syarikat yang manakah lebih baik? Berikan alasan. [5 markah]
- Syarikat yang manakah mempunyai keupayaan membayar hutang yang lebih baik? Kemukakan alasan. [4 markah]
- Berikan cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan yang berprestasi rendah. [6 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab

10.

Perniagaan Seni Kraf bukanlah suatu nama yang asing lagi dalam industri kraftangan. Perniagaan ini mempunyai sebuah kilang beg rotan yang terbesar di kawasan perindustrian Ayer Keroh, Melaka. Setiap rekaan yang dihasilkan mempunyai sentuhan tersendiri dan sangat unik hasil idea kreatif pemilik Encik Hafizi yang dikenali ramai sebagai peneraju empayar ini. Rekaan yang tersendiri dan idea yang malar segar di bawah teraju Encik Hafizi ini termasuk dalam golongan perintis produk kraftangan di Malaysia.

Produk beg rotan keluaran Perniagaan Seni Kraf mendapat sambutan hangat bukan sahaja daripada masyarakat tempatan malahan juga mendapat sambutan daripada pelancong luar. Justeru, Perniagaan Seni Kraf menyasarkan peningkatan jualan sebanyak 5% setiap bulan dan membuka lebih banyak cawangan di setiap negeri dalam jangka masa 10 tahun akan datang. Setiap rekaan beg rotan yang dihasilkan oleh Perniagaan Seni Kraf disuntik dengan keunikan tersendiri. Beg rotan yang dihasilkan boleh digunakan untuk kegunaan harian mahupun dibawa ke majlis-majlis istimewa.

Rotan yang digunakan dalam penghasilan beg adalah rotan yang berkualiti tinggi yang diperolehi daripada pembekal - pembekal rotan di sekitar negeri Melaka.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :-

- (a) Terangkan ciri-ciri yang menepati objektif perniagaan yang baik. [6 markah]
- (b) Jelaskan bahagian fungsian yang terlibat dalam Perniagaan Seni Kraf. [4 markah]
- (c) Jelaskan tindakan yang boleh di ambil oleh pemilik Perniagaan Seni Kraf untuk melindungi idea dan rekaan beg rotan mereka. [4 markah]
- (d) Terangkan strategi produk dan strategi harga yang perlu dilakukan oleh Encik Hafizi untuk mencapai objektif perniagaan yang telah ditetapkan. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT